

24/02/1997

Pemuda minta artis, ahli sukan terbabit

JOHOR BAHRU, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno menyarankan supaya golongan usahawan berjaya, artis dan ahli sukan negara berganding bahu dengan mana-mana Pemuda parti komponen Barisan Nasional (BN) sebagai usaha menangani gejala sosial.

Naib Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata menerusi pembabitan tiga golongan itu, sekurang-kurangnya dapat memberi imej baik mereka untuk dijadikan ikutan ramai terutama remaja.

"Contohnya seperti ahli sukan berjaya serta artis terkenal yang sering kali menjadi idola sebahagian besar golongan remaja, mereka boleh membantu menangani gejala sosial yang melanda negara sekarang ini.

"Tiga golongan terbabit menerusi penampilan menarik, bersih dan baik dapat memberi kesan positif terhadap golongan remaja terutama mereka bermasalah.

"Oleh itu, Pemuda menyeru supaya usahawan berjaya, ahli sukan dan artis turut bersama menggembleng usaha kerajaan menangani gejala sosial," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan Aidilfitri anjuran Pemuda Bahagian Johor Bahru di Dewan Raya Kampung Melayu Majidee, di sini, malam tadi.

Akhbar hari ini melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, bahawa kes jenayah membabitkan pelajar seperti penyalahgunaan dadah serta samseng, kini sangat serius dan tidak boleh disembunyikan lagi.

Menurut Mahathir, gejala sosial itu sudah merebak dan bertambah buruk kerana sikap lepas tangan serta tindakan semua pihak yang menyembunyikan perkara berkenaan.

Hishamuddin yang juga Ketua Penerangan Umno Johor, berkata pendekatan terbaru itu dilakukan berdasarkan fenomena gejala sosial yang berada di tahap membimbangkan.

"Pemuda sudah mempunyai perancangan menyeluruh membabitkan parti komponen BN. Bagi menangani gejala sosial itu, ianya memerlukan pendekatan secara halus seperti mengadakan konsep bermusyawarah dan tidak perlu memarahi secara melulu.

"Ini kerana kuasa atau hukuman bukan penentu jalan bagi penyelesaian gejala sosial," katanya.

(END)